



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

GARIS PANDUAN



**PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS
(PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA
JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA
KIRA-KIRA) NEGERI SELANGOR 2022**

&

**PENDAFTARAN AHLI
KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR**





UCAPAN ALU-ALUAN

Assalamualaikum wr. wbt.

Setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah inayah dan IzinNya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor telah berjaya menyusun dan mengemaskini **Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas (Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira) Negeri Selangor 2022** dan **Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor**.

Garis Panduan yang lebih lengkap, mudah dirujuk dan difahami ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada MAIS, JAIS dan seluruh Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid di Negeri Selangor dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- kira yang baru bagi masjid- masjid di Negeri Selangor setiap tiga tahun.

Semoga Garis Panduan ini akan membantu semua pihak untuk memilih dan mencalonkan individu yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mentadbir masjid dan surau di Negeri Selangor demi merealisasikan masjid sebagai “Pusat Pengupayaan Ummah seperti yang diharapkan.

DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor



ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	M/S
1	Ucapan Alu-aluan	1
2	Isi Kandungan	2
3	GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS (PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA) NEGERI SELANGOR 2022	4
	(1) Bahagian A: Permulaan, Takrif, Tujuan dan Latar Belakang	5
	(2) Bahagian B: Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan	8
	i. Arahan Majlis Untuk Mengadakan Mesyuarat Agung Pencalonan Dan Pemilihan	
	ii. Taklimat Khas	
	iii. Persediaan Bagi Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan	
	iv. Penyampaian Notis Dan Hebahan Mesyuarat Agung Pencalonan Dan Pemilihan	
	v. Pelaksanaan Mesyuarat Agung Pencalonan Dan Pemilihan	
	vi. Pencalonan Calon Pegawai Masjid	
	vii. Pencalonan Dan Pemilihan Calon Anggota Jawatankuasa Kariah Selain Pegawai Masjid.	
	viii. Pencalonan Dan Pemilihan Calon Pemeriksa Kira- kira	
	ix. Tindakan Pasca Mesyuarat Agung Pencalonan Dan Pemilihan	
	(3) Bahagian C: Kelayakan Calon Anggota Jawatankuasa Kariah Dan Pemeriksa Kira- Kira	17
	i. Kelayakan Pencalonan	
	ii. Kelayakan Umum Bagi Anggota Jawatankuasa Kariah Dan Pemeriksa Kira- Kira	
	iii. Kelayakan Tambahan (Khusus) Bagi Calon Pegawai Masjid	



	<p>iv. Kelayakan Tambahan (Khusus) Bagi Calon Anggota Jawatankuasa Kariah (Selain Pegawai Masjid) Dan Pemeriksa Kira-Kira</p> <p>(4) Bahagian D: Penilaian Dan Pemilihan Calon Anggota Jawatankuasa Kariah Dan Pemeriksa Kira-Kira</p> <p>i. Penilaian Dan Pemilihan Calon Anggota Jawatankuasa Kariah Dan Pemeriksa Kira-Kira</p> <p>(5) Bahagian E: Pelbagai</p> <p>i. Kuasa Majlis</p> <p>ii. Pengisytiharan Pelantikan</p> <p>iii. Serah Tugas</p> <p>iv. Pemansuhan</p> <p>v. Tarikh Kuat Kuasa</p>	<p>23</p> <p>25</p>
4	<p>GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR</p> <p>1) Pemakaian, Takrif, Tujuan Dan Latar Belakang</p> <p>2) Syarat- Syarat Kelayakan Ahli Kariah Berdaftar</p> <p>3) Penetapan Sempadan Kariah Masjid</p> <p>4) Tatacara Pendaftaran Ahli Kariah</p> <p>5) Pengemaskinian Daftar Ahli Kariah</p> <p>6) Daftar Ahli Kariah</p> <p>7) Pembatalan Ahli Kariah Berdaftar Dalam Daftar Ahli Kariah</p> <p>8) Bantahan, Aduan Dan Pemakluman Keciciran</p> <p>9) Pemansuhan</p> <p>10) Tarikh Kuat Kuasa</p> <p>11) Borang Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor</p>	<p>35</p> <p>36</p> <p>39</p> <p>39</p> <p>40</p> <p>41</p> <p>43</p> <p>43</p> <p>44</p> <p>45</p> <p>45</p> <p>46</p>





ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
MESYUARAT AGUNG KHAS
(PENCALONAN DAN PEMILIHAN
ANGGOTA JAWATANKUASA
KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA-
KIRA) NEGERI SELANGOR 2022**



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS (PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA) NEGERI SELANGOR 2022

BAHAGIAN A PERMULAAN

1. PEMAKAIAN

1.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua masjid yang ditadbir oleh Jawatankuasa Kariah menurut subseksyen 104(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

1.2 Garis Panduan ini hanya terpakai bagi tujuan pelaksanaan Mesyuarat Khas bagi pencalonan dan pemilihan Pegawai Masjid, anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira bagi masjid yang dinyatakan di bawah garis panduan 1.1.

2. TAKRIF

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

- (a) "Ahli kariah" bermaksud seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid;
- (b) "Ahli kariah berdaftar" bermaksud ahli kariah yang telah didaftarkan menurut apa-apa garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis bagi tujuan pendaftaran ahli kariah bagi sesuatu masjid;
- (c) "Bahagian Pengurusan Masjid" bermaksud Bahagian Pengurusan Masjid JAIS atau apa-apa nama yang ditetapkan oleh JAIS bagi suatu bahagian yang mempunyai fungsi berhubung dengan pengurusan masjid dan surau.





- (d) “Enakmen” bermaksud Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen 1/2003];
- (e) “Garis Panduan ini” bermaksud Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas (Pencalonan Dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira) Negeri Selangor 2022;
- (f) “JAIS” bermaksud Jabatan Agama Islam Selangor;
- (g) “JATUMS” bermaksud Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor yang dilantik oleh Majlis di bawah seksyen 27 Enakmen bagi membantu melaksanakan kewajipan dan kuasa Majlis berhubung dengan pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor.
- (h) “Majlis” bermaksud Majlis Agama Islam Selangor;
- (i) “Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan” bermaksud Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira;
- (j) “Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah” bermaksud Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah yang dilaksanakan di bawah peraturan 50 Peraturan 2017;
- (k) “PAID” bermaksud Pejabat Agama Islam Daerah;
- (l) “Panel Pencalonan dan Pemilihan” bermaksud suatu panel yang dilantik oleh Majlis untuk membuat penilaian terhadap calon Pegawai Masjid, anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-kira bagi sesuatu daerah bagi maksud garis panduan ini;
- (m) “Pegawai Masjid” bermaksud Nazir, Imam, Bilal dan Siak atau apa-apa nama, stail atau gelaran tertentu sebagaimana yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Majlis berhubung dengan pengurusan sesuatu masjid yang dilantik di bawah



seksyen 100 Enakmen;

- (n) “Pengerusi Mesyuarat” bermaksud PTAD atau wakilnya yang mempengerusikan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan;
- (o) “Peraturan 2017” bermaksud Peraturan-peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017;
- (p) “PTAD” bermaksud Pegawai Tadbir Agama bagi sesuatu daerah yang berkhidmat bagi sesuatu PAID;

3. TUJUAN

Garis Panduan ini diwujudkan bagi tujuan berikut:

- 3.1 Sebagai panduan kepada Jawatankuasa Kariah dan ahli kariah dalam melaksanakan Mesyuarat Agung Khas bagi tujuan pencalonan dan pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira bagi sesuatu masjid.
- 3.2 Memastikan kelancaran dan ketelusan dalam pengurusan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1 Garis Panduan ini diwujudkan selaras dengan penguatkuasaan Peraturan 2017 dan dibuat menurut kuasa Majlis di bawah subperaturan 54(3) Peraturan 2017.
- 4.2 Sebelum berkuat kuasa Garis Panduan ini, Mesyuarat Majlis Bil. 4/2018 yang bersidang pada 10 Julai 2018, atas syor JATUMS, telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Masjid Di Negeri Selangor dan Garis Panduan tersebut telah dilaksanakan bagi pengurusan





Mesyuarat Agung Khas bagi tujuan pencalonan dan pemilihan Pegawai Masjid dan anggota Jawatankuasa Kariah bagi masjid di Negeri Selangor.

4.3 Seterusnya, bagi menyelesaikan beberapa isu yang timbul dalam pengurusan Mesyuarat Agung Khas bagi tujuan pencalonan dan pemilihan Pegawai Masjid dan anggota Jawatankuasa Kariah bagi masjid, JATUMS telah membincangkan dan meluluskan Garis Panduan ini yang mengandungi beberapa pindaan terhadap garis panduan terdahulu yang berkaitan dengan pengurusan Mesyuarat Agung Khas yang berkenaan.

BAHAGIAN B TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

5. ARAHAN MAJLIS UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

5.1 Sebelum tamat tempoh pelantikan Jawatankuasa Kariah sedia ada, suatu arahan Majlis, melalui notis yang dikeluarkan oleh Setiausaha MAIS, akan disampaikan kepada Jawatankuasa Kariah untuk melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan selaras dengan superaturan 54(3) Peraturan 2017.

5.2 Jawatankuasa Kariah sedia ada perlu melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan pada bila-bila masa mengikut tempoh yang ditetapkan dalam arahan Majlis di bawah garis panduan 5.1.

6. TAKLIMAT KHAS

Suatu sesi taklimat bagi memberi kefahaman terhadap pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan akan dilaksanakan di peringkat daerah oleh



Bahagian Pengurusan Masjid kepada semua Pegawai Masjid.

7. PERSEDIAAN BAGI PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

7.1 Nazir bagi setiap masjid hendaklah, setelah menerima arahan Majlis di bawah garis panduan 5.1, mengadakan suatu Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah bagi membincangkan persediaan bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan.

7.2 Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah itu hendaklah merangkumi agenda seperti berikut:

- (a) memaklumkan zon persempadanan kariah masjid yang telah diluluskan oleh Majlis;
- (b) pengemaskinian daftar ahli kariah dengan merujuk kepada Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor;
- (c) cadangan tarikh, tempat dan masa Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan akan diadakan;
- (d) kaedah penyampaian dan hebahan kepada ahli kariah berhubung dengan tarikh, tempat dan masa Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan akan diadakan;
- (e) penentuan petugas Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan termasuk pencatat minit; dan
- (f) perkara-perkara lain yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan.





8. PENYAMPAIAN NOTIS DAN HEBAHAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

8.1 Notis memanggil Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah disampaikan kepada ahli kariah melalui hebahan atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai seperti berikut:

- (a) Pemakluman sebelum atau selepas sembahyang Jumaat;
- (b) Kain rentang;
- (c) Risalah (flyers);
- (d) Media sosial yang diwujudkan bagi sesuatu masjid; atau
- (e) Penghantaran notis dari rumah ke rumah.

8.2 Notis di bawah garis panduan 8.1 hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kariah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan dan mengandungi tarikh, masa dan tempat mesyuarat itu akan diadakan.

8.3 Satu salinan notis Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan itu hendaklah dihantar kepada PTAD yang berkenaan.

9. PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

9.1 Ahli kariah yang hadir Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah bermastautin atau bermukim dan berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah masjid tersebut mengikut Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.

9.2 Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan



hendaklah dipengerusikan oleh PTAD atau wakilnya.

9.3 Empat puluh (40) orang ahli kariah berdaftar atau satu perempat jumlah ahli kariah berdaftar termasuk Jawatankuasa Kariah, mengikut mana mana bilangan yang lebih rendah, hendaklah membentuk kuorum bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan.

9.4 Pengerusi Mesyuarat boleh menangguhkan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan jika berlaku perkara-perkara berikut:

- (a) Pendaftaran ahli kariah tidak dibuat mengikut Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor;
- (b) Ahli Kariah Berdaftar yang hadir Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan tidak mencukupi kuorum yang ditetapkan di bawah garis panduan 9.3;
- (c) penyampaian notis atau hebahan berhubung dengan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan dibuat kurang daripada empat belas (14) hari dari tarikh mesyuarat;
- (d) Timbul pertikaian dan perselisihan yang tidak boleh dikawal oleh Pengerusi Mesyuarat;
- (e) Berlaku apa-apa bencana alam yang menyebabkan mesyuarat tidak diadakan; dan
- (f) Arahan Majlis untuk menangguhkan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan atas apa-apa sebab keselamatan awam.

9.5 Jika Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan yang ditetapkan kali pertama ditangguhkan, suatu notis hendaklah dikeluarkan bagi memaklumkan berhubung dengan tarikh,





tempat dan masa bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan kali kedua.

9.6 Jika Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan kali kedua masih gagal membentuk kuorum seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan 9.3, mesyuarat kali kedua itu hendaklah diteruskan mengikut apa-apa jumlah ahli kariah berdaftar yang hadir dan keputusan mesyuarat itu adalah sah.

9.7 Agenda Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan adalah seperti yang berikut:

- (a) Bacaan surah al-Fatihah dan doa selamat;
- (b) Ucapan Pengerusi Mesyuarat;
- (c) Taklimat khas tatacara pencalonan dan pemilihan Pegawai Masjid, anggota Jawatankuasa Kariah (selain Pegawai Masjid) dan Pemeriksa Kira-Kira oleh Pengerusi Mesyuarat;
- (d) Sesi pencalonan Pegawai Masjid;
- (e) Sesi pencalonan dan pemilihan calon anggota Jawatankuasa Kariah (selain Pegawai Masjid); dan
- (f) Sesi pencalonan dan pemilihan Pemeriksa Kira-Kira;
- (g) Penangguhan mesyuarat dengan bacaan surah al-Asr.

9.8 Keputusan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah dibuat secara sebulat suara atau lebih suara ahli kariah berdaftar yang hadir.

9.9 Setiausaha bagi Jawatankuasa Kariah sedia ada hendaklah menjadi setiausaha bagi Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan itu dan hendaklah mencatat semua perjalanan mesyuarat itu.



10. PENCALONAN PEGAWAI MASJID

10.1 Ahli kariah berdaftar hendaklah membuat pencalonan bagi Pegawai Masjid mengikut jumlah calon dan jawatan seperti yang berikut:

Jawatan	Jumlah Calon
(a) Nazir	Sekurang-kurangnya 1 orang calon
(a) Imam	Sekurang-kurangnya 2 orang calon
(a) Bilal	Sekurang-kurangnya 2 orang calon
(a) Siak	Sekurang-kurangnya 2 orang calon

10.2 Mesyuarat hendaklah menerima semua pencalonan yang dibuat dalam mesyuarat itu.

11. PENCALONAN DAN PEMILIHAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH SELAIN PEGAWAI MASJID

11.1 Ahli kariah berdaftar hendaklah mencalonkan beberapa orang calon bagi anggota Jawatankuasa Kariah yang berikut:

- (a) Seorang Timbalan Nazir;
- (b) Seorang Setiausaha;
- (c) Seorang Penolong Setiausaha;
- (d) Seorang Bendahari;
- (e) Seorang Penolong Bendahari;
- (f) Tidak lebih daripada sembilan (9) orang anggota Jawatankuasa Kariah yang sesuai untuk menjadi Ketua Biro yang terdiri daripada—





- (i) seorang wakil pemuda;
- (ii) seorang wakil muslimat;
- (iii) seorang pengurus jenazah muslimat; dan
- (iv) tidak lebih enam (6) orang anggota yang lain.

11.2 Bagi pencalonan jawatan di perenggan (a), (d), (e) dan (f), selepas menerima pencalonan, mesyuarat hendaklah mengikut garis panduan 9.8, menentukan daripada senarai calon itu, calon yang sesuai untuk dipilih bagi jawatan itu.

11.3 Bagi pencalonan jawatan di perenggan (b) dan (c), Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah memutuskan mengikut garis panduan 9.8, penentuan kaedah untuk pemilihan calon Setiausaha dan Penolong Setiausaha melalui salah satu daripada kaedah berikut:

(a) Pencalonan dan pemilihan oleh Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan

11.3.1 Ahli kariah berdaftar hendaklah mencalonkan beberapa orang calon yang sesuai untuk dilantik oleh Majlis sebagai Setiausaha dan Penolong Setiausaha.

11.3.2 Selepas menerima pencalonan, mesyuarat hendaklah mengikut garis panduan 9.8, menentukan daripada senarai calon itu, calon yang sesuai untuk dipilih bagi jawatan itu.

(b) Pencalonan dan pemilihan oleh Nazir

11.3.3 Nazir, selepas empat belas (14) hari dari tarikh dia dilantik oleh Majlis, mengemukakan beberapa orang calon yang sesuai dari kalangan ahli kariah berdaftar untuk dilantik oleh Majlis sebagai



Setiausaha dan Penolong Setiausaha.

11.3.4 Bagi tujuan garis panduan 11.3.3 Nazir itu hendaklah memastikan calon yang dikemukakan itu memenuhi kelayakan yang dinyatakan di bawah Bahagian C.

12. PENCALONAN DAN PEMILIHAN CALON PEMERIKSA KIRA-KIRA

12.1 Ahli kariah berdaftar hendaklah membuat pencalonan bagi Pemeriksa Kira-Kira.

12.2 Garis panduan 11.2 hendaklah terpakai bagi Pencalonan calon Pemeriksa Kira-Kira.

12.3 Mesyuarat hendaklah menentukan dua orang calon untuk dipilih sebagai Pemeriksa Kira-Kira.

13. TINDAKAN PASCA MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

13.1 Setiausaha Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah menyerahkan kepada setiap calon yang dipersetujui dalam mesyuarat itu Borang Perakuan Maklumat Diri seperti dalam Lampiran A dan borang-borang berikut, mengikut mana-mana yang berkenaan:

(a) Borang Pencalonan Pegawai Masjid seperti dalam Lampiran B; dan

(b) Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah (selain Pegawai Masjid) dan Pemeriksa Kira-Kira seperti dalam Lampiran C.

13.2 Setiap calon hendaklah mengisi lengkap borang yang diserahkan di bawah garis panduan 13.1 dan menyerahkan





borang itu kepada Setiausaha dalam tempoh tiga (3) hari selepas Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan.

13.3 Nazir atau Setiausaha hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas mesyuarat diadakan, menyerahkan kepada PTAD dokumen-dokumen yang berikut:

- (a) Minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan;
- (b) Borang Pencalonan Pegawai Masjid;
- (c) Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah (selain Pegawai Masjid) dan Pemeriksa Kira-Kira; dan
- (d) Borang Perakuan Maklumat Diri.

13.4 PTAD hendaklah membuat semakan dokumen yang diterima daripada Nazir atau Setiausaha Jawatankuasa Kariah di bawah garis panduan 13.3.

13.5 Dokumen yang didapati tidak lengkap hendaklah dikembalikan semula kepada Nazir atau Setiausaha Masjid yang berkenaan untuk dilengkapkan.

13.6 Dokumen-dokumen yang telah lengkap akan dikemukakan kepada Panel Pencalonan Dan Pemilihan untuk tujuan penilaian sebelum mengemukakan penilaian itu kepada JATUMS.

13.7 Jika PTAD mendapati atau menerima apa-apa aduan berhubung dengan perjalanan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan yang tidak teratur atau tidak mengikut tatacara yang telah ditetapkan, PTAD hendaklah —.

- (a) Membuat siasatan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara itu; dan



- (b) Menyediakan laporan siasatan berkenaan untuk dikemukakan kepada Panel Pencalonan Dan Pemilihan.

13.8 Ketua Unit Pengurusan Masjid, atas kebenaran PTAD, boleh menjalankan tugas-tugas PTAD di bawah garis panduan 13.

BAHAGIAN C

KELAYAKAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

14. KELAYAKAN PENCALONAN

14.1 Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah memastikan sesuatu nama ahli kariah berdaftar itu dipilih sebagai calon bagi satu (1) jawatan tertentu sahaja.

14.2 Walau apa pun garis panduan 14.1, Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan boleh mempertimbangkan dan menerima pencalonan bagi calon yang tidak hadir mesyuarat itu dengan alasan yang munasabah, dengan syarat-syarat berikut:

- (a) Calon itu memenuhi kelayakan yang dinyatakan di bawah garis panduan 15 dan peraturan 16 atau 17, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) Calon itu memberi persetujuannya secara bertulis untuk dicalonkan bagi apa-apa jawatan dalam Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan itu.

14.3 Setiap pencalonan hendaklah dibuat oleh seorang pencadang dan disokong oleh seorang penyokong dari kalangan ahli mesyuarat.





15. KELAYAKAN UMUM BAGI ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

15.1 Semua calon yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan atau calon yang dinamakan oleh Nazir di bawah perenggan 12(b) hendaklah memenuhi kelayakan umum seperti yang dinyatakan dalam peraturan 4 dan 17 Peraturan 2017 seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun;
- (b) beragama Islam, warganegara Malaysia dan tinggal bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah masjid itu;
- (c) berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli sunah Waljamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak;
- (d) mempunyai pengetahuan agama Islam merangkumi asas fardu ain yang kukuh, berakhlak mulia dan melibatkan diri dalam aktiviti masjid atau surau;
- (e) boleh membaca, menulis dan mengira;
- (f) sihat tubuh badan dan mental;
- (g) mempunyai daya kepimpinan;
- (h) beraku janji mematuhi undang-undang, warta fatwa dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan masjid;
- (i) sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah;
- (j) tidak memegang mana-mana jawatan Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah di masjid yang lain;
- (k) tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;





- (l) pelantikannya sebagai Pegawai Masjid atau anggota Jawatankuasa Kariah tidak ditamatkan atau dibatalkan di bawah Peraturan 2017;
- (m) dia tidak diisytiharkan sebagai bankrap yang belum dilepaskan;
- (n) dia bukan merupakan Penasihat bagi mana-mana masjid dalam mukim dan kampung.

15.2 Semua calon juga hendaklah memenuhi syarat kelayakan umum tambahan yang ditetapkan oleh Majlis di bawah subseksyen 4(3) Peraturan 2017 seperti berikut:

- (a) tidak memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (b) bukan merupakan seseorang yang sedang dalam proses pendakwaan di mahkamah atas mana-mana kesalahan jenayah sivil atau syariah; dan
- (c) jika dia adalah calon bagi Pegawai Masjid, dia bukan merupakan Pengerusi, Imam, Bilal atau Siak di mana-mana surau.

16. KELAYAKAN TAMBAHAN (KHUSUS) BAGI CALON PEGAWAI MASJID

Calon Pegawai Masjid hendaklah memenuhi syarat kelayakan tambahan (khusus) yang ditetapkan oleh Majlis di bawah subseksyen 4(3) Peraturan 2017 seperti jadual yang berikut:





Jawatan	Syarat Kelayakan Khusus
(a) Nazir	<ul style="list-style-type: none">(i) Memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran.(ii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Menengah Agama (SMA) atau sijil lain yang setaraf dengannya.(iii) Berkeupayaan memberikan nasihat dan bimbingan kepada anggota Jawatankuasa Kariah dan ahli kariah.(iv) Berkeupayaan mengimamkan sembahyang, menyampaikan khutbah dan memimpin majlis tahlil.(v) Tidak dilantik sebagai Nazir bagi dua sesi pelantikan terdahulu secara berturut-turut.
(b) Imam	<ul style="list-style-type: none">(i) Mahir dalam bacaan al-Quran dan menghafaz beberapa surah dalam al-Quran.(ii) Berkeupayaan menyampaikan khutbah dengan baik.(iii) Memiliki Sijil Menengah Agama (SMA)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Empat Thanawi / Sijil Tahfiz atau lain-lain sijil berkaitan dengan pendidikan Islam.





Jawatan	Syarat Kelayakan Khusus
	(iv) Jika calon yang tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (iii), dia hendaklah berkeupayaan mengetuai urusan fardu ain dan fardu kifayah. (v) Tidak merokok.
(c) Bilal	(i) Mempunyai ilmu asas taranum. (ii) Memiliki pengalaman dan kemahiran sebagai muazzin. (iii) Mempunyai suara yang jelas dan lantang. (iv) Mengetahui urusan fardu ain dan fardu kifayah.
(d) Siak	Memiliki kemahiran dalam melaksanakan tugas-tugas siak yang merangkumi pembersihan dan keselamatan kawasan masjid.

17. KELAYAKAN TAMBAHAN (KHUSUS) BAGI CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH (SELAIN PEGAWAI MASJID) DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

Calon anggota Jawatankuasa Kariah (selain Pegawai Masjid) hendaklah memenuhi syarat kelayakan tambahan (khusus) yang ditetapkan oleh Majlis di bawah subseksyen 4(3) Peraturan 2017 seperti jadual yang berikut:



Calon Jawatan	Syarat Kelayakan Khusus
(a) Timbalan Nazir	Mempunyai kelayakan kelayakan (khusus) seperti calon jawatan Nazir di bawah garis panduan 16.
(b) Setiausaha / Penolong Setiausaha	(i) Memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. (ii) Mempunyai pengetahuan asas dalam pengendalian komputer.
(c) Bendahari / Penolong Bendahari	(i) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang pengurusan kewangan dan perakaunan. (ii) Jika calon itu tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (i), dia hendaklah memiliki pengetahuan asas pengurusan kewangan dan perakaunan.
(d) Pemeriksa Kira- kira	(i) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang berkaitan dengan bidang pengurusan kewangan dan perakaunan. (ii) Jika calon itu tidak memiliki mana-mana sijil seperti yang dinyatakan di perenggan (i), dia hendaklah memiliki pengalaman atau berkemahiran dalam bidang pengurusan kewangan atau tugas-tugas pengauditan.



BAHAGIAN D

PENILAIAN DAN PEMILIHAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA

18. PENILAIAN DAN PEMILIHAN CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

18.1 Panel Pencalonan Dan Pemilihan akan membuat penilaian terhadap calon yang telah disemak dan disaring oleh PAID mengikut kaedah saringan bagi tujuan pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira yang ditetapkan oleh Majlis.

18.2 Panel Pencalonan Dan Pemilihan adalah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Orang Besar Daerah	Pengerusi
(b) PTAD	Timbalan Pengerusi
(c) Pegawai Daerah atau wakilnya	Anggota
(d) Ketua Polis Daerah atau wakilnya	Anggota
(e) Penghulu Mukim bagi masjid yang berkenaan	Anggota
(f) Ketua Unit Dakwah di PAID yang berkenaan	Anggota
(g) Ketua Unit Penguatkuasa Agama di PAID yang berkenaan	Anggota
(h) Seorang pegawai PAID lain yang ditentukan oleh PTAD	Anggota
(i) Ketua Unit Pengurusan Masjid di PAID yang berkenaan	Setiausaha





18.3 Fungsi Panel Pencalonan Dan Pemilihan adalah seperti berikut:

- (a) Membuat penilaian bagi pemilihan calon anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira;
- (b) Mengesyorkan calon yang dipilih sebagai anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira untuk pertimbangan JATUMS; dan
- (c) Mengesyorkan pembatalan bagi pencalonan anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira Kira yang didapati hilang kelayakan dan mengesyorkan calon ganti atas pembatalan calon yang dicadangkan.

18.4 Tiada pemilihan boleh dibuat melainkan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Panel Pencalonan dan Pemilihan (tidak termasuk Setiausaha Panel Pencalonan dan Pemilihan) termasuk Pengerusi Panel Pencalonan Dan Pemilihan hadir semasa penilaian dibuat.

18.5 Setiausaha Panel Pencalonan Dan Pemilihan hendaklah—

- (a) Merekodkan perjalanan penilaian dan pemilihan yang dibuat oleh Panel Pencalonan Dan Pemilihan; dan
- (b) Melengkapkan borang pemilihan anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira sepertimana yang ditetapkan oleh JATUMS untuk diserahkan kepada Setiausaha JATUMS.

18.6 JATUMS, setelah mempertimbangkan penilaian dan syor daripada Panel Pencalonan Dan Pemilihan, hendaklah memutuskan calon yang dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira dan menyerahkan keputusan itu kepada MAIS untuk tujuan pelantikan.



18.7 Suatu surat pelantikan Pegawai Masjid, Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-Kira akan dikeluarkan kepada calon yang telah diluluskan dan surat pelantikan itu hendaklah yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Jawatan yang orang itu dilantik; dan
- (b) Tempoh orang itu dilantik bagi jawatan itu.

BAHAGIAN E PELBAGAI

19. KUASA MAJLIS

Tertakluk kepada Enakmen dan Peraturan 2017, Majlis boleh, atas apa-apa sebab tertentu, mengecualikan apa-apa garis panduan di bawah Garis Panduan ini bagi tujuan pencalonan dan pemilihan Pegawai Masjid, Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira.

20. PENGISYTIHARAN PELANTIKAN

PTAD atau wakilnya, selepas menerima Senarai Pelantikan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-kira seperti dalam Lampiran D, perlu membuat pengisytiharan pelantikan Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira bagi setiap masjid di daerah masing-masing mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

21. SERAH TUGAS

21.1 Nazir, Setiausaha dan Bendahari bagi Jawatankuasa Kariah sesi terdahulu hendaklah melengkapkan dokumen serah tugas seperti yang ditetapkan oleh JATUMS dan menyerahkan dokumen itu kepada PTAD dalam tempoh selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum pelantikan Nazir, Setiausaha dan Bendahari bagi Jawatankuasa Kariah sesi terdahulu berakhir.





21.2 PTAD perlu menyerahkan tugas kepada Nazir, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Kariah yang baru hendaklah dibuat selepas pelantikan Pegawai Masjid, Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira.

22. PEMANSUHAN

Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Bagi Masjid Di Negeri Selangor yang berkuatkuasa pada 20 Julai 2018 adalah dimansuhkan.

23. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini hendaklah mula berkuatkuasa mulai 15 Julai 2022.

(DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR)

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : 12 Julai 2022



**BORANG PERAKUAN MAKLUMAT DIRI
(PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN
PEMERIKSA KIRA-KIRA)**

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT DIRI
1.	NAMA	
2.	DOKUMEN PENGENALAN DIRI (Lampirkan Salinan Kad Pengenalan/ Kad Tentera/ Kad Polis	
3.	ALAMAT RUMAH	
4.	NO TELEFON	
5.	UMUR	
6.	STATUS	() BERKAHWIN () BUJANG
7.	PEKERJAAN	
8.	KELAYAKAN AKADEMIK	
9.	CALON BAGI JAWATAN	
10.	TANDAKAN (f) BAGI PERKARA BERIKUT: a) Ahli Berdaftar b) Tinggal Dalam Kariah c) Memegang Jawatan Dalam Mana- Mana Parti Politik d) Bankrap Yang Belum Dilepaskan e) Disabitkan Dalam Mana- Mana Kes Jenayah Sivil/ Syariah f) Dalam Proses Pendakwaan di Mahkamah Sivil/ Syariah	Ya () Tidak () Ya () Tidak () Ya () Tidak () Jika Ya, Sila Nyatakan Jawatan: _____ Ya () Tidak () Ya () Tidak () Ya () Tidak ()

Saya mengakui segala maklumat yang diberikan adalah benar. Sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar, saya bersetuju agar pencalonan atau pelantikan saya dibatalkan.

Yang Benar,

()

Borang ini hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Kariah dalam tempoh tiga (3) hari selepas Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan dilaksanakan.





LAMPIRAN B



BORANG PENCALONAN JAWATANKUASA KARIAH (PEGAWAI MASJID)

TAHUN

DAERAH :

MUKIM :

NAMA MASJID :

TARIKH MESYUARAT :

CALON PEGAWAI MASJID

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO. TEL	KELAYAKAN	CATATAN
01	NAZIR						
02	IMAM I						
03	IMAM II						
04	BILAL I						
05	BILAL II						
06	SIYAK I						
07	SIYAK II						

NOTA

*Sekiranya terdapat penambahan jumlah calon, sila buat penambahan kepada ruang yang telah sedia ada.



Disediakan oleh :

(Setiausaha Jawatankuasa Kariah)

Tarikh :

Disemak oleh :

(Nazir/ Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

(Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya)

Tarikh :





LAMPIRAN C



BORANG PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH (SELAIN PEGAWAI MASJID) DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA

TAHUN:

NAMA MASJID : MUKIM : DAERAH :

TARIKH MESYUARAT :

CALON ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH (SELAIN PEGAWAI MASJID)

BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL	KELAYAKAN	CATATAN
01	TIMBALAN NAZIR						
02	SETIAUSAHA						
03	PENOLONG SETIAUSAHA						
04	BENDAHARI						
05	PENOLONG BENDAHARI						
06	AJK						
07	AJK						



BIL	JAWATAN	NAMA PENUH	KAD PENGENALAN	UMUR	ALAMAT DAN NO.TEL	KELAYAKAN	CATATAN
08	AJK						
09	AJK						
10	AJK						
11	AJK						
10	WAKIL PEMUDA						
11	WAKIL MUSLIMAT						
12	PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT						

CALON PEMERIKSA KIRA- KIRA

01	PEMERIKSA KIRA-KIRA I						
02	PEMERIKSA KIRA-KIRA II						





Disediakan oleh :

(Setiasaha Jawatankuasa Kariah)

Tarikh :

Disemak oleh :

(Nazir / Pengerusi Mesyuarat)

Tarikh :

Disahkan oleh:

(Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakilnya)

Tarikh :



LAMPIRAN D



SENARAI PELANTIKAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI TEMPOH

Masjid		Mukim	
Alamat		Daerah	

“Menurut kuasa dibawah subperaturan 15(2) dan Peraturan 16, Peraturan- Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017, Majlis dengan ini melantik anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira seperti senarai berikut untuk mentadbir dan menguruskan apa- apa perkara yang berhubungan dengan masjid”.

PEGAWAI MASJID

Bil	Nama	No K/P	Jawatan
1.			Nazir
2.			Imam I
3.			Imam II
4.			Bilal I
5.			Bilal II
6.			Siak I
7.			Siak II





ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH (SELAIN PEGAWAI MASJID)

Bil	Nama	No K/P	Jawatan
8.			Timbalan Nazir
9.			Setiausaha
10.			Penolong Setiausaha
11.			Bendahari
12.			Penolong Bendahari
13.			AJK
14.			AJK
15.			AJK
16.			AJK
17.			AJK
18.			AJK
19.			WAKIL PEMUDA
20.			WAKIL MUSLIMAT
21.			PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT

PEMERIKSA KIRA- KIRA

22.			Pemeriksa Kira-Kira I
23.			Pemeriksa Kira-Kira II

Pelantikan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira ini telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor Bil yang bersidang pada.....

Disahkan Oleh:

.....
Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh:



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR





GARIS PANDUAN PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

BAHAGIAN A PERMULAAN

1. PEMAKAIAN

1.1 Garis panduan ini terpakai dalam urusan pendaftaran ahli kariah bagi—

- (a) Masjid yang ditadbir oleh Jawatankuasa Kariah atau surau yang ditadbir oleh Jawatankuasa Surau menurut subseksyen 104(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; dan
- (b) Masjid yang ditadbir oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau surau yang ditadbir oleh Jawatankuasa Pengurusan Surau menurut subseksyen 104(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

2. TAKRIF

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

- (a) "Ahli kariah" bermaksud seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu kariah masjid atau kariah surau;
- (b) "Ahli kariah berdaftar" bermaksud ahli kariah yang telah didaftarkan menurut Garis Panduan ini;
- (c) "Bahagian Pengurusan Masjid" bermaksud Bahagian Pengurusan Masjid JAIS atau apa-apa nama yang ditetapkan oleh JAIS bagi suatu bahagian yang mempunyai fungsi berhubung dengan pengurusan masjid dan surau;





- (d) “Borang Pendaftaran Ahli Kariah” bermaksud borang yang bagi tujuan mendaftarkan seseorang sebagai ahli kariah berdaftar bagi sesuatu masjid dan surau di bawah Garis Panduan ini.
- (e) “Daftar Ahli Kariah” bermaksud suatu daftar yang diwujudkan di bawah garis panduan 9 yang mengandungi butiran berhubung dengan ahli kariah berdaftar bagi sesuatu masjid atau surau;
- (f) “Enakmen” bermaksud Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen 1/2003];
- (g) “Garis Panduan ini” bermaksud Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid Dan Surau Negeri Selangor 2022;
- (h) “JAIS” bermaksud Jabatan Agama Islam Selangor;
- (i) “JATUMS” bermaksud Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor yang dilantik oleh Majlis di bawah seksyen 27 Enakmen bagi membantu melaksanakan kewajipan dan kuasa Majlis berhubung dengan pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor;
- (j) “Majlis” bermaksud Majlis Agama Islam Selangor;
- (k) “PAID” bermaksud Pejabat Agama Islam Daerah;
- (l) “Pegawai Masjid” bermaksud Nazir, Imam, Bilal dan Siak atau apa-apa nama, stail atau gelaran tertentu sebagaimana yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Majlis berhubung dengan pengurusan sesuatu masjid yang dilantik di bawah seksyen 100 Enakmen;
- (m) “Peraturan 2017” bermaksud Peraturan-peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017;
- (n) “PTAD” bermaksud Pegawai Tadbir Agama bagi sesuatu daerah yang berkhidmat bagi sesuatu PAID; dan





- (n) “Setiausaha” bermaksud setiausaha bagi Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau, mengikut mana-mana yang berkenaan.

3. TUJUAN

Garis Panduan ini diwujudkan bagi tujuan berikut:

- (a) Sebagai panduan dan rujukan kepada anggota Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan Surau bagi tujuan pendaftaran ahli kariah bagi masjid atau surau yang berkenaan.
- (b) Sebagai panduan kepada mana-mana ahli kariah bagi sesuatu masjid dan surau untuk mendaftarkan diri sebagai ahli kariah berdaftar bagi masjid atau surau itu.
- (c) Memastikan proses bancian dan pendaftaran ahli kariah dalam Daftar Ahli Kariah dikemas kini bagi memenuhi kehendak Peraturan 2017.
- (d) Memastikan pendaftaran ahli kariah bagi sesuatu masjid dan surau dilaksanakan secara telus dan teratur.
- (e) Menjadi rujukan dalam menentukan status ahli kariah dalam Mesyuarat Agung Khas bagi tujuan pencalonan dan pemilihan mana-mana orang yang menjawat apa-apa jawatan dalam pengurusan sesuatu masjid atau surau atau bagi apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan penentuan ahli kariah bagi sesuatu masjid dan surau.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1 Garis Panduan ini diwujudkan selaras dengan penguatkuasaan Peraturan 2017 dan dibuat menurut kuasa Majlis di bawah subperaturan 54(3) Peraturan 2017.



4.2 Sebelum berkuat kuasa Garis Panduan ini, Mesyuarat Majlis Bil. 4/2019 yang bersidang pada 28 Mei 2019, atas syor JATUMS, telah meluluskan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor dan Garis Panduan tersebut telah dilaksanakan bagi urusan pendaftaran ahli kariah bagi sesuatu masjid atau surau di Negeri Selangor.

4.3 Seterusnya, bagi menyelesaikan beberapa isu yang timbul dalam urusan pendaftaran ahli kariah bagi masjid dan surau, JATUMS telah membincangkan dan meluluskan Garis Panduan ini yang mengandungi beberapa pindaan terhadap garis panduan terdahulu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran ahli kariah yang berkenaan.

5. SYARAT- SYARAT KELAYAKAN AHLI KARIAH BERDAFTAR

Mana - mana orang yang layak menjadi ahli kariah berdaftar bagi sesuatu masjid dan surau jika memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur 18 tahun dan ke atas;
- (c) Berpegang dan beramal dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah; dan
- (d) Tinggal tetap bermukim atau bermastautin sekurang-kurangnya dalam tempoh empat (4) bulan di dalam sesuatu kariah masjid atau surau yang dia hendak mendaftarkan dirinya sebagai ahli kariah berdaftar.

6. PENETAPAN SEMPADAN KARIAH MASJID

6.1 Sempadan kariah masjid hendaklah ditentukan berdasarkan persempadanan kariah masjid yang dibuat menurut kuasa Majlis di bawah subseksyen 98(3) Enakmen.





6.2 Bagi tujuan garis panduan ini, suatu perbincangan perlu dilaksanakan bagi menetapkan persempadanan sesuatu kariah masjid dan perbincangan itu perlu melibatkan pihak yang berikut:

- (a) Bahagian Pengurusan Masjid;
- (b) PAID.
- (c) Pihak Berkuasa Tempatan bagi daerah yang berkenaan;
- (d) Pejabat Tanah dan Daerah bagi daerah yang berkenaan;
dan
- (e) Mana-mana orang lain yang ditentukan oleh PTAD.

6.3 Persempadanan kariah masjid yang diguna pakai bagi tujuan Garis Panduan ini hendaklah diluluskan oleh Majlis melalui JATUMS.

7. TATACARA PENDAFTARAN AHLI KARIAH

7.1 Ahli kariah perlu mengisi lengkap Borang Pendaftaran Ahli Kariah seperti dalam Lampiran A sama ada dengan mengisi borang itu secara fizikal atau secara atas talian mengikut aplikasi yang disediakan, jika ada.

7.2 Borang Pendaftaran Ahli Kariah hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:

- (a) Salinan dokumen pengenalan diri ahli kariah;
- (b) jika alamat yang tercatat dalam dokumen pengenalan diri di bawah perenggan 7.2(a) bukan merupakan alamat mastautin bagi ahli kariah itu, dia hendaklah melampirkan dokumen pengesahan pemastautinan yang diperakui oleh Nazir, Pengerusi Surau, Pengurus Masjid atau Pengurus Surau mengikut mana-mana yang berkenaan.



- 7.3 Borang yang telah lengkap hendaklah diserahkan kepada Setiausaha.
- 7.4 Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menyemak setiap Borang Pendaftaran Ahli Kariah yang diterima.
- 7.5 Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempertimbangkan setiap permohonan dalam mana-mana mesyuarat atau mesyuarat khas.
- 7.6 Jika mesyuarat atau mesyuarat khas itu meluluskan permohonan mana-mana ahli kariah sebagai Ahli Kariah Berdaftar, nama dan butiran ahli kariah itu hendaklah direkod dan dicatatkan dalam Daftar Ahli Kariah bagi masjid atau surau itu.
- 7.7 Ahli Kariah Berdaftar bagi mana-mana surau yang berada di bawah seliaan sesuatu masjid hendaklah diterima sebagai ahli kariah bagi masjid itu dan hendaklah dicatatkan dalam Daftar Ahli Kariah bagi masjid itu.
- 7.8 Ahli kariah boleh membuat semakan terhadap senarai terkini Ahli Kariah Berdaftar mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh JATUMS.

8. PENGEMASKINIAN DAFTAR AHLI KARIAH

- 8.1 Setiap Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau perlu membuat hebahan untuk meminta semua ahli kariah mendaftarkan diri atau mengemas kini pendaftaran sebagai ahli kariah berdaftar bagi sesuatu masjid atau surau itu.





8.2 Hebahan bagi meminta semua ahli kariah mendaftarkan diri atau mengemas kini pendaftaran sebagai ahli kariah berdaftar boleh dibuat melalui kaedah-kaedah berikut:

- (a) Pengumuman secara lisan sebelum solat Jumaat;
- (b) Pengumuman melalui laman sesawang (website) dan media sosial tertentu yang diwujudkan bagi sesuatu masjid atau surau;
- (c) Edaran borang pendaftaran ahli kariah kepada ahli kariah dari rumah ke rumah; atau
- (d) Apa-apa aplikasi atas talian (on-line) yang bersesuaian yang ditentukan oleh JATUMS, Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau.

8.3 Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau perlu memastikan ahli kariah bagi masjid atau surau, mengikut mana yang berkenaan, mempunyai akses yang mudah untuk mendapatkan Borang Pendaftaran Ahli Kariah melalui apa-apa kaedah yang sesuai.

8.4 Tiada apa-apa bayaran boleh diterima bagi Borang Pendaftaran Ahli Kariah yang dikeluarkan atau disediakan oleh Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau di bawah Garis Panduan ini.

8.5 Setiausaha hendaklah mempamerkan senarai nama Ahli Kariah Berdaftar bagi masjid atau surau yang berkenaan mengikut abjad selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum suatu notis Mesyuarat Agung Khas bagi tujuan pencalonan dan pemilihan bagi anggota Jawatankuasa bagi Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Surau serta Pemeriksa Kira-kira di Negeri Selangor dikeluarkan.





9. DAFTAR AHLI KARIAH

- 9.1 Setiap Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau hendaklah mewujudkan Daftar Ahli Kariah bagi masjid atau surau masing-masing.
- 9.2 Setiausaha perlu memastikan Daftar Ahli Kariah mengandungi butiran setiap ahli kariah yang merangkumi perkara-perkara berikut:
- (a) Nama seperti dalam dokumen pengenalan diri;
 - (b) Nombor pengenalan diri;
 - (c) Alamat mastautin; dan
 - (d) Maklumat lain yang ditetapkan oleh JATUMS.
- 9.3 Nama ahli kariah dalam Daftar Ahli Kariah hendaklah disusun mengikut abjad untuk memudahkan semakan dan carian dibuat.
- 9.4 Daftar Ahli Kariah hendaklah dikemas kini secara berkala iaitu dua (2) kali setahun.

10. PEMBATALAN AHLI KARIAH BERDAFTAR DALAM DAFTAR AHLI KARIAH

- 10.1 Mana-mana ahli kariah berdaftar boleh dibatalkan pendaftarannya dalam Daftar Ahli Kariah jika dia—
- (a) Tidak bermastautin atau bermukim di dalam kariah berkenaan;
 - (b) Meninggal dunia; atau
 - (c) Gila.





- 10.2 Mana-mana orang boleh membuat aduan kepada Nazir, Pengerusi Surau, Pengurus Masjid atau Pengurus Surau mengikut mana-mana yang berkenaan, jika berlaku perkara-perkara yang boleh membatalkan pendaftaran seseorang ahli kariah berdaftar seperti yang dinyatakan dalam garis panduan 10.1.
- 10.3 Nazir, Pengerusi Surau, Pengurus Masjid atau Pengurus Surau hendaklah memaklumkan aduan yang diterima di bawah garis panduan 10.2 untuk pertimbangan dalam mesyuarat atau mesyuarat khas bagi Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau.
- 10.4 Tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau, nama seseorang ahli kariah berdaftar itu hendaklah dipotong bagi tujuan pembatalan dalam Daftar Ahli Kariah.

11. BANTAHAN, ADUAN DAN PEMAKLUMAN KECICIRAN

11.1 Mana-mana orang boleh—

- (a) Mengemukakan apa-apa bantahan terhadap senarai ahli kariah berdaftar;
- (b) Mengemukakan apa-apa aduan berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan kelayakan mana-mana ahli kariah berdaftar; atau
- (c) Memaklumkan tentang keciciran nama ahli kariah berdaftar.

11.2 Tindakan di bawah garis panduan 11.1 boleh dibuat melalui tatacara yang berikut:

- (a) Mengemukakan bantahan, aduan atau pemakluman keciciran itu secara bertulis kepada Nazir, Pengerusi



Surau, Pengurus Masjid atau Pengurus Surau mengikut mana-mana yang berkenaan.

- (b) Penerimaan atau penolakan sesuatu bantahan, aduan atau pemakluman keciciran perlu diputuskan dalam mesyuarat atau mesyuarat khas bagi Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh bantahan, aduan atau pemakluman keciciran itu diterima.
- (c) Daftar Ahli Kariah hendaklah dikemaskini setelah keputusan dibuat dalam mesyuarat atau mesyuarat khas bagi Jawatankuasa Kariah, Jawatankuasa Surau, Jawatankuasa Pengurusan Masjid atau Jawatankuasa Pengurusan Surau.

12. PEMANSUHAN

Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid Dan Surau Negeri Selangor yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2019 adalah dimansuhkan.

13. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini hendaklah berkuat kuasa pada 15 Julai 2022.

(DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR)

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh : 12 Julai 2022





BORANG PENDAFTARAN AHLI KARIAH MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR



Kariah Masjid / Surau :

BAHAGIAN A : BUTIRAN AHLI KARIAH

1. Nama Pemohon

2. No. Kad Pengenalan

 (Sertakan salinan kad pengenalan)

3. Alamat Dalam Kad Pengenalan / Passport

4. Alamat Tempat Tinggal Sekarang

5. No. Telefon Rumah

 H/P

E-MAIL: _____

6. Status Perkahwinan Bujang Sudah Berkahwin

7. Tempoh Masa Telah Menetap Adalah

 Tahun / Bulan

8. Saya mengaku bahawa segala maklumat yang terkandung dalam Bahagian A adalah benar.

.....
Tandatangan
Tarikh:

BAHAGIAN B: ULASAN

**Ulasan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) /
Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)/
Setiausaha Masjid/ Setiausaha Surau**

* Saya menyokong/ tidak menyokong permohonan ini.

Catatan:

.....

Ulasan Nazir Masjid / Pengerusi Surau

* Saya menyokong/ tidak menyokong permohonan ini.

Catatan:

.....

.....
T / Tangan
Cop Rasmi

.....
T/ Tangan
Cop Rasmi

BAHAGIAN C : KEPUTUSAN PERMOHONAN

Diluluskan / Tidak Diluluskan

.....
(Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kariah / Jawatankuasa Surau)